

23/06/1997

Orkestra belia memukau

MELAKA, Ahad - Persembahan 17 ahli kumpulan orkestra belia Asia memukau lebih 500 penonton yang menyaksikan persembahan itu di Kolej Yayasan Saad, Ayer Keroh, dekat sini, pagi tadi.

Kumpulan 102 peserta orkestra yang mengambil bahagian sempena Perhimpunan Orkestra Belia Asia itu turut memperdengarkan beberapa lagu instrumental klasik, ciptaan Franz Joseph Hadyn's dan William Mac Davis.

Antara lagu klasik yang dimainkan ialah 'Achieved is the Glorious Work' dan 'Ceremonial Pieces' di bawah pimpinan Edmond Cord.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Poh Ah Tiam yang mewakili Ketua Menteri, Datuk Abu Zahar Isnin; Pengerusi Yayasan Orkestra Belia Malaysia, Mirzan Mahathir dan Pengasas Kolej Yayasan Saad, Tan Sri Halim Saad, yang juga Pengerusi Eksekutif Renong.

Kumpulan orkestra belia itu adalah dalam rangka lawatan tiga minggu ke Malaysia dan kumpulan berkenaan akan mengadakan persembahan istimewa di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 29 Jun ini.

Pemimpin utama orkestra, Mark Churchil, berkata kalangan belia dari 11 negara termasuk China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea dan Malaysia mengambil bahagian dalam persembahan orkestra kali ini.

(END)